

IWK ganti paip pembedungan


SELAYANG: Penduduk di flet Taman Pinggiran Batu Caves di sini, tidak lagi menghidu bau busuk air kumbahan selepas Indah Water Konsortium (IWK) menggantikan paip pembedungan bawah yang pecah, bermula semalam.

Pengurus Bahagian Komunikasi IWK, Shahrul Nizal Sulaiman, berkata sebelum ini, pihaknya sudah menjalankan kerja pembersihan mengeluarkan sampah-sarap, pasir dan serpihan batu dari saluran pembedungan terbabit tetapi limpahan masih berlaku.

"Selepas siasatan dijalankan, kami dapati paip pembedungan bawah tanah pecah dan tindakan menggantikannya diambil," katanya.

Beliau ditemui ketika bersama-sama Ahli Dewan Undangan Negeri Gombak Setia, Yuszahari Mohd Yusof, melihat kerja pemasangan paip itu, semalam.

Sebelum ini, penduduk di kawasan itu terpaksa menghidup bau busuk akibat limpahan air kumbahan terbabit.



TINJAU...Yuszahari (tengah) melihat kerja menggantikan saluran pembedungan yang pecah di Pinggiran Batu Caves, semalam.

Bau meloyakan itu timbul kerana air kumbahan itu disalurkan ke dalam longkang berhampiran.

Keadaan itu menyebabkan penduduk terpaksa menutup tingkap dan pintu sepanjang masa bagi mengurangkan bau busuk terbabit.

Shahrul Nizal berkata, penduduk juga

dinasihatkan tidak membuang sampah ke dalam sistem pembedungan atau tandas bagi mengelakkan masalah ini berulang.

"Pembuangan sampah menyebabkan pembedungan tersumbat dan kos membaikinya cukup tinggi menjangkau ribuan ringgit," katanya.